



Praktis Topikal

备考全能通

Ujian Akhir Sesi Akademik

Tahun

5

年級

Ng Jia Wei
Norelyssa Ramli

国文

Bahasa Melayu

- Ditulis mengikut format **UASA** terkini
- Berdasarkan tema yang terdapat dalam buku teks
- Merangkumi bahagian tatabahasa, pemahaman dan penulisan
- Mengandungi UPSA, Pra-UASA dan UASA
- Jawapan lengkap disediakan

Tema 7

Bersama Menjanakan Pendapatan

Buku Teks (m.s. 123 - 137)

Bahagian A

Tatabahasa

Soalan 1 hingga 2

Pilih jawapan yang paling sesuai.

1. "_____ ^{显示 设计} tunjukkan rekaan kasut yang ^{最新的} terkini kepada saya," kata Puan Ratna kepada jurujual itu.

- Kata perintah {
- A Usah ^{不要} ^{售物员}
 - B Jangan
 - C Jemput ^{请(吃, 进, 喝)}
 - D Tolong

2. Encik Arshad mengisi borang sebelum ^{填 表格} ^{之前} [↑] ^{动词} membuat _____ ^(名词) wang di bank itu.
- A terkeluar
 - B dikeluarkan
 - C pengeluaran
 - D mengeluarkan

Soalan 3

Pilih ayat yang betul.

- 3.
- A Mimi dan kakaknya dinaiki oleh kereta ke Pejabat Pos Seri Cempaka.
 - B Kambing di ladang ternakan itu ^{农场 家畜} ^{被照顾} dipelihara oleh saya.
 - C Pada hari Sabtu yang lalu, taman tema yang terkenal itu melawati ^{此处} oleh kami.
 - D Harison menyampaikan syarahan dengan baik sekali. ^{kata penguat 很}

形前	形后	自由
Paling	Betul	Amat
Agak	Benar	sangat
Terlalu	Setali	
	Nian	sungguh

Pemahaman Petikan: Teks Tunggal

Soalan 4 hingga 6

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Aku sekeping kad debit. Aku milik seorang wanita yang bernama Junaidah. Aku juga dikenali sebagai kad bank atau kad ATM (Mesin Teler Automatik). Aku dilahirkan setelah Junaidah membuka akaun simpanan di Bank Mesra.

Tubuhku berbentuk segi empat tepat dan nipis. Saizku yang kecil memudahkan aku disimpan di dalam dompet dan dibawa ke mana-mana. Aku mempunyai ciri-ciri keselamatan, iaitu hanya Junaidah yang mengetahui nombor pengenalan peribadi (PIN) untuk menggunakan aku.

Junaidah sering menggunakan aku untuk membuat pengeluaran wang di bank tanpa perlu berurusan di kaunter. Namun, Junaidah harus memastikan masih ada baki wang simpanan sebelum membuat pengeluaran.

Selain itu, semasa membeli barangan, aku digunakan untuk membuat pembayaran tanpa menggunakan wang tunai. Duit Junaidah ditolak terus dari akaun bank secara automatik. Aku bangga dapat menjimatkan masa Junaidah semasa membeli-belah. Ada ketikanya Junaidah tidak perlu membawa wang tunai yang banyak. Dia juga tidak perlu bimbang risiko keciciran atau kehilangan wang tunai.

4. Kad debit juga dikenali sebagai
 - A kad kredit.
 - B kad keahlian.
 - C kad pengenalan.
 - D kad bank atau kad ATM.
5. Apakah ciri-ciri keselamatan kad debit?
 - A Boleh disimpan di dalam dompet
 - B Mempunyai saiz yang kecil dan nipis
 - C Mudah dibawa ke mana-mana sahaja
 - D Hanya pemilik kad mengetahui nombor PIN
6. Berikut merupakan kelebihan kad debit, kecuali
 - A tidak mesra pengguna serta sukar digunakan.
 - B membuat pembayaran tanpa menggunakan wang tunai.
 - C mengurangkan risiko keciciran atau kehilangan wang tunai.
 - D membuat pengeluaran wang di bank tanpa perlu berurusan di kaunter.

mesra 亲切

tidak mesra 不环保

Pemahaman Petikan: Teks Pelbagai

Soalan 7 hingga 10

Baca maklumat dalam Bahan 1 dan Bahan 2 dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

BAHAN 1

gembira
PROMOSI KOTAK KERIANGAN 😊
建立 Jana kreativiti anda bersama-sama si kecil
JOM HIAS KEK SENDIRI!





~~RM32~~ **RM27 sahaja satu set**

- ✓ Stok kek baharu setiap hari, pastinya sedap dan lembut
- ✓ Kek mini pelbagai perasa (coklat, oren, pandan, strawberi)
- ✓ Lengkap dengan hiasan atas kek (coklat urai pelangi, cip coklat)
- ✓ Pelbagai *karakter* kartun mengikut pilihan *选择*
- ✓ Krim kurang manis
- ✓ Pilihan warna yang menarik mengikut tema sendiri

Murah ♦ Mudah ♦ Meriah

Untuk tempahan, hubungi: Aisya Sofea (012-345xxxx)

- * khidmat penghantaran juga disediakan
- ** caj penghantaran mengikut kawasan

BAHAN 2

Wah, menarik sungguh promosi Kotak Keriangan ini!

机会收入顾客 Beliau bijak mencari peluang menjana *产生* pendapatan. Sebagai pelanggan, kita pun dapat manfaatnya. *kebaikan*



认识 Saya kenal Aisya Sofea ini. Beliau seorang anak muda yang sungguh berbakat. *有才能*

Betul kata awak. Anak-anak kita pasti seronok dapat menghias sendiri kek kesukaan mereka. Harganya pun murah. *便宜*

7. Aktiviti menghias kek ini sesuai dilakukan oleh

- A pemilik kedai kek.
- B rakan-rakan sekelas.
- C guru bersama-sama anak murid.
- D anak-anak bersama-sama ibu bapa.

8. Anak-anak kita pasti seronok dapat menghias sendiri kek kesukaan mereka.

Penjodoh bilangan yang sesuai dengan perkataan bergaris di atas ialah

- A biji.
- B kotak.
- C lembar.
- D ekor.

9. Perkataan *karakter* yang terdapat dalam **Bahan 1** merujuk kepada

- A hasil produk.
- B ciri-ciri kartun.
- C watak animasi.
- D impian kanak-kanak.

10. Pernyataan berikut **tidak benar** berdasarkan **Bahan 1** dan **Bahan 2**, *kecuali*

- A barang yang dijual terlalu mahal.
- B hanya stok kek baharu yang dijual setiap hari.
- C pelanggan tidak boleh memilih tema dan warna sendiri.
- D kotak keriang menawarkan kek mini yang sudah siap dihias.

Bahagian B

kenal 认识
 mengenali 认识
 memperkenalkan 介绍

Pemahaman Petikan dan Tatabahasa

Soalan 1

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

Erna : Salam sejahtera, Puan Syida. Saya, Erna. Izinkan saya bertanya beberapa soalan kepada puan. ^{允许}

Puan Syida : Salam sejahtera, Erna. Boleh, silakan.

Erna : Sebenarnya saya merupakan salah seorang ^{是 其中一位 兴趣者} peminat donat gebu ^{松软} yang puan hasilkan. Saya dapati ramai pelanggan yang sanggup ^{愿意} beratur untuk mendapatkan donat yang istimewa ini. Bagaimanakah ^{介绍} puan memperkenalkan donat ini kepada orang ramai?

Puan Syida : Mula-mula, saya hanya memberikan sampel donat kepada jiran dan rakan-rakan. Saya juga ^{拍广告} mengiklankan donat ini dalam kumpulan penduduk sekitar dan menawarkan perkhidmatan penghantaran ke rumah secara ^{tunai semasa penghantaran (COD). Cash on Delivery}

Erna : Bolehkah Puan Syida ^{sharing} berkongsi resipi kejayaan puan? ^{注重}

Puan Syida : Saya sangat memementingkan ^{原料} kualiti makanan yang dihasilkan, iaitu dari sudut kebersihan, ramuan yang digunakan, ^{idea} rasa dan cara persembahan. Saya sedia menerima kritikan, cadangan dan maklum balas daripada pelanggan.

Erna : Terima kasih, Puan Syida. Saya amat mengagumi kesungguhan ^{惊讶} puan. Semoga jenama Donat Gebu ^{用心} puan berkembang maju dan lebih dikenali selepas ini. ^{发展}

Puan Syida: Sama-sama.

I. (a) Puan Syida pemilik perniagaan _____.

- (b) Nyatakan salah satu cara yang digunakan oleh Puan Syida untuk memperkenalkan produknya.

- (c) Bulatkan satu kata sendi nama yang terdapat dalam ayat diberikan.

Saya sangat mementingkan kualiti makanan yang dihasilkan, iaitu dari sudut kebersihan, ramuan yang digunakan, rasa dan cara persembahan.

- (d) Pilih dan tuliskan (BETUL) bagi ayat yang sama maksud dengan ayat yang diberikan.

Saya sedia menerima ^{批评}kritikan, cadangan dan maklum balas daripada pelanggan.

Kritikan, cadangan dan maklum balas daripada pelanggan sedia saya terima.	
Pelanggan perlu bersedia memberi kritikan, cadangan dan maklum balas kepada saya.	

Bahagian B: Respons Kritis dan Kreatif

Soalan 2

Baca dan fahami situasi di bawah. Kemudian, berikan pendapat kamu berdasarkan situasi tersebut.

Panjangnya jawapan kamu hendaklah tidak lebih daripada 30 patah perkataan.

Kamu hendak membeli sebotol susu segar jenama A. Ketika tiba di pasar raya, kamu melihat harga sebotol susu segar jenama B dengan sukatan yang sama adalah lebih murah.

2. Berdasarkan situasi di atas, apakah tindakan yang akan kamu lakukan?

Bahagian C

Penulisan Perenggan

Grafik di bawah menunjukkan tentang menyimpan wang di bank.

Tulis pendapat kamu tentang manfaat menyimpan wang di bank.

Jawapan kamu hendaklah ditulis dalam satu perenggan.

Panjangnya jawapan kamu hendaklah tidak lebih daripada 50 patah perkataan.



Bahagian D

Penulisan Karangan

Teliti bahan grafik di bawah. Kemudian, tulis sebuah karangan dalam bentuk karangan berformat atau tidak berformat.

Panjangnya karangan kamu hendaklah antara 50 hingga 80 patah perkataan.



- berjimat ketika berbelanja
- langkah-langkah boleh dilakukan
- merancang perbelanjaan dan berbelanja mengikut keperluan
- membuat senarai sebelum berbelanja
- membeli ketika jualan murah / tawaran harga promosi
